

Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"



Majlis Perbandaran Kuala Selangor

www.mpks.gov.my

September - Disember 2022



HARI TANPA KENDERAAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2022
10 DISEMBER 2022

MPKS Terima Anugerah
Emas MTC Award
2022

13

"Staff Day" 2022
MPKS

18

Majlis Anugerah Sijil
Pematuhan SAGA 2022

19



SEPTEMBER

- Kayuhan Santai Majlis Perbandaran Klang ke daerah Kuala Selangor
- Dialog Bajet 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Penyerahan Projek Siap Masjid Raja Lumu Kuala Selangor
- Program Kerja Berpasukan Pegawai Gred 19-26 Siri 2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Malaysian Chamber of Commerce and Industry di Pantai Remis
- Program Penutup Selangor 600 Tahun 2022
- Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kos Rendah Projek Taman Sg. Yu Indah Mukim Hujung Permatang, Kuala Selangor
- Operasi Tomyam Sekitar Tambak Jawa
- Majlis Pelepasan Atlet Petanque ke Sukma 2022
- Penilaian Akhir Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2022
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Pertubuhan Minda Progresif Subang Jaya di Pantai Remis
- Program Tanggungjawab Sosial Danines Sustainable Beauty di Pantai Remis
- Seminar Wanita 2022
- Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor Bilangan 2/2022
- Kursus Pemanapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) 2022
- Program Penanaman Pokok Sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Daerah Kuala Selangor Tahun 2022
- Mesyuarat Majlis Bil 9 dan Mesyuarat Bajet Khas Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program CSR Pantai Jeram oleh Geotechnical Alliance

OKTOBER

- Majlis Perasmian Masjid Raja Lumu, Pekan Lama Kuala Selangor
- Lawatan Delegasi Bapak Bupati Bone ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Selangor International Business Summit 2022
- Kem Inspirasi Remaja 2022 di Segar City, Lukut
- EB Frozen Food Sdn Bhd, Majlis Pecah Tanah Eco Business Park V, Puncak Alam
- Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2022
- Audit Dalaman MS-ISO 9001:2015
- Operasi Tom Yam Di Jeram
- Operasi Tom Yam Di Sungai Buloh
- Teambuilding Kakitangan Gred 1-14 Siri 1
- Program Penanaman Pokok Berembang, Pembersihan Sungai di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan dan Program Cintai Sungai Kita Bersama Rakan Alam Sekitar (RAS) Sempena Pra Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Hari Sungai Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2022
- Operasi Penangkapan Haiwan Ternakan Sungai Yu, Bestari Jaya dan Ijok Serta Jeram
- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Premis Bil 4
- Operasi Bersepadu Premis Warga Asing di Puncak Alam
- Kursus Pengendalian Bot Enjin Sangkut Sebagai Persediaan Monsun Timur Laut Dan Fenomena Air Laut Pasang Besar Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Anugerah Gold Award Tourism Community Initiative Sempena MTC Award 2022
- Mesyuarat Penutup Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021
- Mesyuarat Penyelarasan Hari Penamaan Calon Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor

NOVEMBER

- Pemantauan Bahasa Kebangsaan di Tempat Awam Bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Simulasi Hari Penamaan Calon Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor
- Hari Penamaan Calon Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor
- Pengeluaran Undi Pos P.96 Kuala Selangor
- Sesi Libat Urus Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor Bersama Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Hari Bertemu Pelanggan Bil.2 Majlis Perbandaran Kuala Selangor Secara Maya
- Undi Awal Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor
- Familiarization Trip-Delta World Sdn. Bhd. & TSSB World Golf Championship
- Perlantikan Separuh Akhir Piala Malaysia Selangor Vs Terengganu
- Simulasi Hari Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor
- Persiapan Hari Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor
- Hari Pilihan Raya Umum Ke-15 P.096 Kuala Selangor

- Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Sewaan Bil.5/2022
- Program Jejak Warisan Kesultanan Selangor
- Majlis Penyerahan Jersi Bola Sepak Pasukan PLD Kuala Selangor Bawah 15 Tahun
- Bencana Alam Pokok Tumbang Bukit Malawati
- "Staff Day" 2022 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Pengisytiharan Nasi Ambeng Sebagai Makanan Warisan Selangor
- Hidangan 2022 Dulang Nasi Ambeng dan Cubaan Memecah Rekod Malaysia Book Of Record
- Majlis Anugerah Sijil Pematuhan Saga 2022
- Program Sahsiyah Remaja 2022

DISEMBER

- Majlis Penutup Program Pementoran Tahun 2022 dan Perasmian Program Pementoran Tahun 2023 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Majlis Anugerah Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022
- Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 11/2022 Dan Lawatan Kerja Ke Majlis Perbandaran Kemaman
- Karnival Usahawan Selangor 2022
- Petaling Jaya International Folklore Festival 2022
- Jelajah Selangor Penyayang Hulu Selangor
- Kunjungan Hormat City University Malaysia (CTU)
- Seminar Integriti Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022
- Perhimpunan Pagi 2022 Bil. 5 Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Hari Tanpa Kenderaan Majlis Perbandaran Kuala Selangor 2022
- Malam Kebudayaan dan Kesenian Serta Kuala Selangor Night Run Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Kursus Pemanapan Jabatan Pelesenan dan Lawatan Kerja Ke Majlis Bandaraya Alor Setar
- Lawatan Kerja Berkaitan Pelaksanaan Sistem Online Pengambilan Kakitangan Sektor Awam di Majlis Perbandaran Kuala Selangor
- Program Menembak Gagak Siri 2/ 2022

Sidang Redaksi

BULETIN

MALAWATI

Penangung

Puan Rahilah binti Rahmat SMS, AMS,
ydp@mpks.gov.my

Penasihat

TPr. Haji Mohamad Yusli bin Askandar AIS, PPC,
myusli@mpks.gov.my

Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mpks.gov.my

Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mpks.gov.my

Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mpks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mpks.gov.my

DIALOG BAJET 2023

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

5-6 September 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Majlis Dialog Bajet 2023 MPKS. Sesi ini diadakan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MPKS bagi mengupas hasil dapatan dari sesi *Focus Group Discussion Bajet 2023* bersama pihak-pihak berkepentingan yang berlangsung pada 17 Ogos 2022 yang lalu bagi menyediakan satu belanjawan yang mampan untuk kawasan pentadbiran MPKS.

Turut hadir di dalam sesi perbincangan Dialog Bajet 2023 adalah Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad Ahli Parlimen Kuala Selangor, Yang Berhormat Puan Juwairiya Binti Zulkifli Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Melawati, Yang Berhormat Tuan Dr. Idris Bin Ahmad Ahli Dewan Undangan Negeri Ijok, Yang Berhormat Puan Rozana Binti Zainal Abidin Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang dan Yang Berhormat Tuan Mohd Shaïd Bin Rosli Ahli Dewan Undangan Negeri Jeram serta wakil Parlimen Sungai Buloh dan wakil DUN Paya Jaras.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP

MASJID RAJA LUMU KUALA SELANGOR

9 September 2022

Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke Majlis Penyerahan Projek Siap Masjid Raja Lumu, Pekan Lama Kuala Selangor.

Baginda turut berkenan menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Penyerahan Projek Siap dan Majlis Penyerahan Sijil Projek Siap Masjid Raja Lumu, Pekan Lama Kuala Selangor serta solat jumaat bersama warga Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM KERJA BERPASUKAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

September–Disember 2022

Jabatan Khidmat Pengurusan MPKS telah mengadakan Program Kerja Berpasukan MPKS melibatkan seluruh warga kerja MPKS yang berlangsung secara berperingkat bermula September hingga Disember 2022 di Kalumpang Resort and Training Resort, Hulu Selangor.

Kaedah kursus ini menggunakan aktiviti permainan yang dijalankan sebagai kaedah dalam sesi latihan. Peserta telah didedahkan melalui pengalaman di dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan mendapat pembelajaran melaluinya atau lebih dikenali sebagai *learning by doing*. Kursus ini diharap mampu merapatkan ukhwah para kakitangan MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PANTAI REMIS

September-Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor merakamkan ucapan terima kasih kepada para agensi kerajaan, swasta dan persatuan serta institusi pengajian tinggi yang telah mengadakan aktiviti pembersihan di Pantai Remis, Sungai Sembilang.

Semoga usaha ini dapat mewujudkan persekitaran pantai yang bersih, ceria dan selamat untuk dikunjungi serta meningkatkan kesedaran masyarakat terutamanya golongan belia mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ayuh kita membudayakan penjagaan kebersihan alam sekitar.

1. Malaysian Chamber of Commerce and Industry - 10 September 2022
2. Pertubuhan Minda Progresif Subang Jaya - 16 September 2022
3. Geotechnical Alliance - 29 September 2022



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

OPERASI TOMYAM DAN PREMIS MAKANAN WAKTU MALAM 2022

September-Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor melalui Jabatan Kesihatan Persekitaran, MPKS telah menjalankan Operasi Tomyam dan Premis Makanan Waktu Malam bermula bulan September hingga bulan Disember 2022 yang lalu di premis-premis makanan daerah Kuala Selangor.

Pemeriksaan mengejut ini adalah bertujuan untuk memastikan premis-premis makanan berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk dikunjungi para pelanggan. Operasi ini dijalankan melibatkan jabatan dalaman MPKS dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS PELEPASAN ATLET PETANQUE KE SUKMA 2022

15 September 2022

Sebagai Morale Booster kepada atlet Petanque Negeri Selangor, MPKS telah mengadakan satu majlis ringkas pelepasan atlet sukan Petanque yang beraksi di temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 berlangsung di Kuala Lumpur.

MPKS merupakan bapa angkat kepada sukan Petanque dan Bola Jaring untuk Negeri Selangor. Yang Berusaha, TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS telah menyampaikan amanat akhir dan pelepasan atlet ke venue pertandingan.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

PENILAIAN AKHIR ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2022

15 September 2022

Tiga buah kumpulan daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah berjaya ke Peringkat Akhir Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2022. Sesi penilaian akhir telah dijalankan secara dalam talian.

Kumpulan yang terlibat adalah kumpulan iCorp (Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Unit Teknologi Maklumat), PEHARTA (Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, KPDNHEP) dan YTT (Jabatan Landskap).



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

SEMINAR WANITA “MEMPRAKTIKKAN IMEJ DAN KETERAMPILAN” MPKS 2022 21 September 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Seminar Wanita “Mempraktikkan Imej dan Keterampilan” 2022 di Dewan Sri Siantan, Ibupejabat MPKS melibatkan penjawat awam MPKS dan lain-lain jabatan di daerah Kuala Selangor. Seminar ini diadakan bertujuan membentuk imej dan keterampilan para wanita penjawat awam daerah Kuala Selangor agar dipandang tinggi oleh rakan-rakan di jabatan atau agensi masing-masing dan masyarakat awam.

Penganjuran seminar ini adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) kelima iaitu mencapai kesamarataan jantina. Sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Puan Emi Idura binti Che Hashim, Pengasas, Pengarah Urusan dan Perunding Prinsipal TopToToeStyliesta Image Consulting dan seminar ini telah dirasmikan oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS.



KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA (C-MART) 2022 23-25 September 2022

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MPKS telah menganjurkan Kursus Pemantapan Bangunan Kediaman Berstrata (C-SMART) 2022 di Kuala Lumpur pada 23 September hingga 25 September 2022.

Kursus ini memfokuskan kepada komuniti pembangunan berstrata di dalam daerah Kuala Selangor bertujuan membantu pihak JMB, MC dan Pengurus Bangunan untuk menguruskan kediaman berstrata dengan lebih sistematik.

Kursus ini telah dihadiri oleh 24 orang peserta yang terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan JMB, MC dan Pengurus Bangunan berdaftar dalam daerah Kuala Selangor. Sebanyak 6 sesi dan 6 penceramah yang berpengalaman telah memberikan input dan ilmu dalam program ini dan telah dirasmikan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.



“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPENA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH KUALA SELANGOR TAHUN 2022

24 September 2022

Penanaman pokok telah berlangsung di sekitar Kaki Bukit Malawati, Pekan Lama Kuala Selangor yang telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Raiz bin Radzuan, Pegawai Daerah Kuala Selangor dan Puan Rahillah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.

Dalam masa yang sama, aktiviti penanaman pokok turut berlangsung di Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan dan Persiaran Jalan Majlis. Selain itu, program ini turut diikuti secara langsung oleh DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor berkenan mencemari duli menyempurnakan penanaman pokok Peringkat Negeri Selangor di Bukit Broga, Semenyih.



Sumber : Jabatan Landskap

LAWATAN KERJA RASMI MAJLIS DAERAH SELAMA KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 27 September 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan daripada Majlis Daerah Selama (MDS) ke daerah Kuala Selangor. Lawatan ini bertujuan untuk perkongsian mengenai pengurusan produk plancongan daerah Kuala Selangor.

Lawatan ini melibatkan 34 orang kakitangan MDS dan diketuai oleh Yang Berusaha Tuan Noor Ekhsan bin Baharuddin, Setiausaha MDS dan telah disambut oleh Yang Berusaha TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Unit Pelancongan

MAJLIS PERASMIAN MASJID RAJA LUMU, PEKAN LAMA KUALA SELANGOR

6 Oktober 2022

DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan berangkat hadir ke Majlis Perasmian Masjid Raja Lumu, Pekan Lama Kuala Selangor. DYMM Sultan Selangor turut berkenan merasmikan masjid ini dengan nama Masjid Raja Lumu.

Pada majlis ini juga, turut menyampaikan sembah ucapan alu-aluan, oleh Yang Dihormati, Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Orang Besar Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

LAWATAN DELEGASI BAPAK BUPATI BONE KE MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

6-7 Oktober 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan kerja daripada Yang Mulia Bupati Bone, Bapak Dr.H.Andi Fahsar M. Padjalangi, beserta Nyonya dan Bapak/Ibu Segenap yang menyertai Bupati Bone.

Delegasi lawatan telah disambut oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan Yang Dihormati Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Selangor, Dato' Mohamad Yaacob Bin Dato' Ismail, Orang Besar Daerah Kuala Selangor.

Delegasi Bupati Bone turut di bawa melawat ke Makam Diraja Kota Malawati dan Santuari Kelip-kelip Kg Kuantan untuk sesi perkongsian mengenai produk pelancongan di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Pelancongan

“Usaha untuk rakyat”

KEM INSPIRASI REMAJA 2022

7-9 Oktober 2022

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Kem Motivasi Remaja 2022 di Segar City, Lukut. Aktiviti yang dijalankan ini adalah acara tahunan yang melibatkan 35 orang belia wanita Daerah Kuala Selangor terdiri daripada pelajar STDC (Inpens) dan INTRA International College.

Pengisian kem pada kali ini memfokuskan untuk golongan wanita memupuk semangat kerjasama, tolong-menolong dan setia kawan serta bertolak ansur dalam membuat keputusan yang penting dalam kehidupan mereka. Program ini juga telah melatih ketahanan diri pelajar dari aspek mental dan fizikal supaya sentiasa berani, tabah, tahan lasak dan berkeyakinan tinggi bagi menghadapi masa hadapan yang mencabar kelak.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

MAJLIS PECAH TANAH EB FROZEN FOOD SDN. BHD. DI ECO BUSINESS PARK V, PUNCAK ALAM 8 Oktober 2022

Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah EB Frozen Food Sdn Bhd di Eco Business Park V, Bandar Puncak Alam pada 8 Oktober 2022.

Pembukaan kilang baharu di Eco Business Park V melibatkan pelaburan sebanyak RM350 juta di kawasan seluas 20 ekar merangkumi pengeluaran makanan gudang, pusat inovasi R&D, pejabat empat tingkat, tempat letak kereta lima tingkat dan asrama berbilang tingkat serta bakal mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan bakal dibuka apabila kilang tersebut siap dibina pada tahun 2024. MPKS berharap agar lebih banyak pelabur membuka kawasan perindustrian baharu di Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR (MPIPANS) TAHUN 2022

9 Oktober 2022

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan PEHARTA daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKS/ KPDNHEP Kuala Selangor yang berjaya mendapat tempat ketiga kategori Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) sempena Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2022.

Hadiah telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Haris Bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Semoga semangat berinovasi ini akan terus konsisten dalam menambahbaik proses di organisasi pada masa-masa akan datang.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PROGRAM PENANAMAN POKOK BEREMBANG, PEMBERSIHAN SUNGAI DI SANTUARI KELIP-KELIP KAMPUNG KUANTAN DAN PROGRAM CINTAI SUNGAI KITA BERSAMA RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) SEMPENA PRA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) DAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2022

15 Oktober 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menganjurkan Program Penanaman Pokok Berembang dan Pembersihan Sungai di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Aktiviti yang dijalankan adalah penanaman pokok berembang dan pembersihan sungai disertai seramai 250 orang peserta yang berjaya menanam 140 batang pokok berembang dan kutipan sampah sebanyak 150 kg sampah kitar semula.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan majlis ini turut dihadiri oleh Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor serta rakan strategik daripada KDEB Waste Management, Amita Berjaya dan KLK Land serta Canon.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI PENANGKAPAN HAIWAN TERNAKAN SUNGAI YU, BESTARI JAYA DAN IJOK SERTA JERAM

18 Oktober 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang berada di kawasan laluan awam dan perumahan pada 18 Oktober 2022.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Sungai Yu, Bestari Jaya, Ijok serta Jeram. Sebanyak dua ekor lembu dan satu ekor kambing telah berjaya ditangkap dan disita. Tangkapan dilakukan di Sungai Yu (satu ekor lembu) dan di Bestari Jaya (satu ekor lembu dan satu ekor kambing).

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan masyarakat disarankan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MPKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my atau hubungi 03-3289 1439.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI BERSEPADU PREMIS WARGA ASING

19 Oktober 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan Operasi Bersepadu Premis Warga Asing di sekitar Taman Industri Alam Jaya, Puncak Alam. Operasi yang dijalankan ini sebagai tindakan kepada premis yang disyaki dijalankan oleh warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah dan penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga tempatan.

Operasi bersepadu ini melibatkan Jabatan Penguatkuasaan MPKS, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bermula jam 10.00 pagi hingga 1.00 petang.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

KURSUS PENGENDALIAN BOT ENJIN SANGKUT SEBAGAI PERSEDIAAN MONSUN TIMUR LAUT DAN FENOMENA AIR LAUT PASANG BESAR

20 Oktober 2022

Skuad PANTAS MPKS telah mengadakan latihan Pengendalian Bot Enjin Sangkut di Bestari Jaya. Latihan ini adalah hasil kerjasama antara MPKS dan Balai Bomba Dan Penyelamat Kuala Selangor.

Latihan ini bertujuan bagi memberi pendedahan kepada kakitangan MPKS tentang asas pengendalian dan penyelenggaraan bot enjin sangkut sewaktu tugas sebagai persediaan monsun timur laut dan fenomena air laut pasang besar.



Sumber : Skuad PANTAS

MPKS TERIMA ANUGERAH EMAS MTC AWARD 2022

22 Oktober 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima Anugerah Gold Award Tourism Community Initiative sempena MTC Award 2022 pada 22 Oktober 2022 di Borneo Convention Centre of Kuching (BCK) Kuching, Sarawak.

Anugerah Emas MTC yang dianjurkan oleh Majlis Pelancongan Malaysia adalah untuk memberi penghormatan dan memberi pengiktirafan tertinggi kepada individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan cemerlang serta memainkan peranan penting dalam kejayaan industri pelancongan Malaysia. Semoga anugerah ini menjadi pemangkin semangat untuk terus membangunkan eko pelancongan daerah Kuala Selangor bersama komuniti tempatan.



Sumber : Unit Pelancongan

“Usaha untuk rakyat”

PESTA SAYAP 2022

22 Oktober 2022

Pesta Sayap 2022 telah berlangsung pada 22 Oktober 2022 (Sabtu) di Taman Alam, Kuala Selangor. Pesta ini diraikan sempena migrasi burung setiap tahun semasa musim sejuk di hemisfera utara. Pelbagai spesis burung jauh dari negara seperti Jepun, Siberia, Korea Selatan dan China merentasi laut dan benua untuk tidur, berehat dan makan.

Turut berlangsung sepanjang satu hari program adalah sesi penanaman pokok bakau, berjalan sambil meneroka flora dan fauna, lawatan di kawasan tumpuan burung, booth pameran serta seminar. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS dan pesta ini telah disertai seramai 800 orang peserta terdiri daripada pelajar dan pencinta alam.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PEMANTAUAN BAHASA KEBANGSAAN DI TEMPAT AWAM BERSAMA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) 1 November 2022

Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) Wilayah Tengah telah mengadakan sesi pemantauan bahasa kebangsaan di tempat awam sekitar daerah Kuala Selangor. Pemantauan ini melibatkan kawasan perniagaan, taman perumahan, jalan-jalan utama dan premis kerajaan.

Hasil pemantauan ini telah dibentangkan oleh Munsyi Dewan, En. Mohd Hata bin Abu Bakar selaku ketua pemantau. Dokumen hasil pemantauan telah diserahkan kepada TPr. Tuan Haji Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS bagi tujuan pemantapan penggunaan bahasa kebangsaan dan paparan awam untuk rujukan masa akan datang.



Sumber : Jabatan Pelesenan

SIMULASI PILIHAN RAYA UMUM KE-15, P.096 PARLIMEN KUALA SELANGOR

3 November 2022

Telah berlangsung Simulasi Pilihan Raya Umum Ke-15 untuk P096 Parlimen Kuala Selangor di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor. Simulasi ini diadakan sebagai persiapan akhir untuk proses penamaan calon yang akan berlangsung pada 5 November 2022 (Sabtu) ini berjalan lancar.

Simulasi ini telah disempurnakan oleh Puan Rahilah binti Rahmat, Pegawai Pengurus Pilihan Raya P096 Parlimen Kuala Selangor. Turut hadir TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Penolong Pegawai Pengurus dan YDH Supt. Ramli bin Kasa, Ketua Polis Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM KE-15, P.096 PARLIMEN P.096 KUALA SELANGOR

5 November 2022

Telah berlangsung Proses Penamaan Calon untuk Parlimen P.096 Kuala Selangor di Stadium Tertutup, Komplek Sukan Kuala Selangor.

Puan Rahilah binti Rahmat, selaku Pegawai Pengurus bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.096 Kuala Selangor telah menerima 4 kertas penamaan calon dan memutuskan tiada calon yang ditolak kertas penamaannya. Calon yang bertanding adalah Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Ustaz Mohd Noor bin Mohd Sahar dan Yang Berhormat Tuan Mohd Shaïd bin Rosli.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

SESI LIBAT URUS TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN) NEGERI SELANGOR BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

9 November 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menerima lawatan kerja daripada Yang Berusaha Dr. Nor Fuad Bin Abdul Hamid, Timbalan Setiausaha (Pembangunan). Delegasi lawatan telah disambut oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.

Lawatan kerja ini diharap dapat memperkukuh lagi kerjasama erat di antara MPKS dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan setiap pembangunan di daerah ini seiring dengan pelan strategik MPKS ke arah menuju persekitaran perbandaran yang kondusif bagi pembangunan ekonomi hijau, pemeliharaan alam sekitar, warisan sejarah dan kehidupan berkualiti.



Sumber : Unit Korporat dan perhubungan Awam

HARI PILIHAN RAYA UMUM KE-15 P.096 KUALA SELANGOR

19 November 2022

Telah berlangsung Proses Pilihan Raya Umum ke-15 untuk Parlimen P.096 Kuala Selangor. Peratus pengundian berbanding jumlah pemilih adalah 85.17 peratus. Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, selaku Pegawai Pengurus bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.096 Kuala Selangor telah mengisytiharkan bahawa Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad daripada Pakatan Harapan telah dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat Parlimen P.096 Kuala Selangor.





Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

MAJLIS PENYERAHAN JERSI BOLA SEPAK PASUKAN PLD KUALA SELANGOR BAWAH 15 TAHUN 24 November 2022

Telah berlangsung majlis penyerahan jersi pasukan bola sepak PLD Kuala Selangor pada 25 November 2022 yang lalu di SMK Dato' Harun, Tanjong Karang.

Dalam masa yang sama, MPKS turut telah menyumbang tajaan wang tunai RM8,000.00 untuk pasukan ini bertanding di Liga PLD Bawah 15 Tahun Peringkat Kebangsaan di Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari, Gambang.

Alhamdulillah, Skuad Bola Sepak PLD Kuala Selangor bawah 15 tahun telah memperolehi keputusan cemerlang iaitu muncul juara peringkat kebangsaan pada perlawanan akhir yang berlangsung 27 November 2022. Syabas dan tahniah diucapkan.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

“Usaha untuk rakyat”

“STAFF DAY” 2022 MPKS

26 November 2022

Semangat satu keluarga besar MPKS terus dipererat melalui penganjuran Staff Day MPKS 2022 di Taman AgroTeknologi MARDI Tanjung Karang. Aktiviti ini dijalankan melibatkan semua kakitangan MPKS dan aktiviti yang dijalankan adalah seperti masakan tradisional, bola baling bendang, menggagau ikan dalam bendang serta pertandingan karaoke lagu tradisional.

Semoga dengan program seumpama ini akan merapatkan ukhwah sesama keluarga besar MPKS dan mendorong semangat untuk bekerja lebih komited. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Puan Rahillah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi MPKS

MAJLIS ANUGERAH SIJIL PEMATUHAN SAGA 2022

29 November 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) melakar sejarah tersendiri apabila dianugerahkan Sijil Pematuhan Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Pengiktirafan tersebut telah disampaikan oleh Akauntan Negara Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Dr. Yacob bin Mustafa kepada yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS yang berlangsung di LaCrista Hotel, Melaka.

Anugerah tersebut adalah pengiktirafan di atas pencapaian MPKS dalam mematuhi kriteria teknikal dan fungsian dalam pematuhan SAGA yang digunapakai ke atas sistem perakaunan dan kewangan MPKS.



Sumber : Jabatan Perbendaharaan

PROGRAM SAHSIAH REMAJA 2022

30 November 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Program Sahsiah Remaja 2022 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor pada 30 November 2022. Program ini dianjurkan bertujuan membentuk sahsiah pelajar dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai keperibadian yang baik.

Penganjuran aktiviti ini melibatkan 160 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor, SMK Kuala Selangor dan SMK Seri Tanjung serta SMK Pengkalan Permatang. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

“Usaha untuk rakyat”

MAJLIS PENUTUP PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2022 DAN PERASMIAN PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 1 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Majlis Penutup Program Pementoran Tahun 2022 dan Perasmian Program Pementoran Tahun 2023 di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor pada 1 Disember 2022.

Seramai 12 orang Mentor dan Menti Tahun 2022 telah berjaya menamatkan program ini dengan jayanya. Dan seramai 32 orang Mentor dan Menti Tahun 2023 telah dilantik dan diberikan watakah perlantikan.

Penganjuran program ini adalah turut memenuhi kriteria SDG keempat iaitu Pembelajaran efektif untuk semua dengan pengisian bengkel. Majlis penutup dan perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahillah binti Rahmat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

MAJLIS ANUGERAH PENGIKTIRAFAN EKSA MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2022 2 Disember 2022

Sebagai penghargaan kepada urusetia pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Majlis Perbandaran Kuala Selangor, satu majlis penyampaian anugerah telah diadakan di Hotel Lost World of Tambun, Ipoh.

Tujuan anugerah ini diadakan adalah bagi menghargai segala jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh para kakitangan yang telah bertungkus-lumus dan komited bagi memastikan pelaksanaan EKSA di kawasan persekitaran MPKS. Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha MPKS, Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

KARNIVAL USAHAWAN SELANGOR 2022

3 Disember 2022

Karnival Usahawan Negeri Selangor 2022 anjuran Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Sosioekonomi Negeri Selangor yang diadakan di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Karnival ini bertujuan meraikan penjaja dan peniaga kecil yang telah berdaftar dengan PLATS. PLATS merupakan platform promosi digital kepada para penjaja dan peniaga kecil. Majlis telah disempurnakan oleh D.Y.M.M Tengku Pemaizuri Selangor Tengku Pemaizuri Norashikin. Dalam masa sama, Majlis Perbandaran Kuala Selangor turut menerima cenderamata penghargaan kerana kerjasama membantu pelaksanaan inisiatif PLATS bagi tahun 2022.



Sumber : Jabatan Pelesenan

SEMINAR INTEGRITI MPKS 2022

8 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Seminar Integriti: Penguatkuasa Berintegriti Memperkasa Organisasi Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Selangor tahun 2022 di De Palma Eco Resort, Kuala Selangor.

Seminar seperti ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman yang mendalam berkenaan peranan dan tanggungjawab sebagai anggota penguatkuasa dalam memperkasa dan menginstitusikan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Dalam masa yang sama, turut diadakan Pelancaran Pelan Anti Rasuah (OACP) Majlis Perbandaran Kuala Selangor tahun 2022-2026. Seminar ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor dan turut dihadiri oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS serta Yang Berusaha TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

PERHIMPUNAN PAGI 2022 BIL. 5

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 9 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah mengadakan Perhimpunan Pagi yang telah dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan di Dewan Bandar Baru, Kuala Selangor.

Ucaptama perhimpunan ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS dan perhimpunan ini turut dihadiri oleh Encik Ahmad Jamzuri bin Mujaini, Timbalan Setiausaha MPKS, ketua-ketua jabatan/unit serta kakitangan MPKS.



HARI TANPA KENDERAAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 2022 10 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menganjurkan Hari Tanpa Kenderaan Daerah Kuala Selangor 2022 di Dataran Malawati, Pekan Lama Kuala Selangor. Pelbagai aktiviti menarik telah berlangsung iaitu Kayuhan Santai Basikal, Sarong Cat Walk dan Hijaukan Bumi Kita serta mewarna.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad sambil disaksikan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.



MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SERTA KUALA SELANGOR NIGHT RUN MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 10 Disember 2022

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKS telah menganjurkan Malam Kebudayaan dan Kesenian 2022 serta Kuala Selangor Night Run 2022 di Dataran Malawati, Pekan Lama Kuala Selangor.

Meskipun berlangsung dalam keadaan hujan, majlis berlangsung dengan meriah melibatkan kehadiran 1,000 orang pengunjung yang menyaksikan persembahan tradisional tiga bangsa melayu, cina dan india. Selain itu, pengunjung turut disajikan dengan persembahan silat, angklung, cempuling dan ghazal. Majlis turut diserikan dengan persembahan Syura Badron.

Selain itu, turut berlangsung Kuala Selangor Night Run 2022 yang melibatkan 700 orang peserta yang berjalan kaki sejauh 5 KM. Pelepasan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MPKS.



Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

LAWATAN KERJA BERKAITAN PELAKSANAAN SISTEM ONLINE PENGAMBILAN KAKITANGAN SEKTOR AWAM DI MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR 14 Disember 2022



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PROGRAM MENEMBAK GAGAK SIRI 2/ 2022

17 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah menjalankan operasi Menembak Gagak Siri 2/ 2022 pada 17 Disember 2022 di sekitar Daerah Kuala Selangor. Operasi melibatkan 27 orang penembak berlesen ini bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 8.00 malam telah berjaya menembak sebanyak 2,335 ekor burung gagak dan telah dilupuskan.

Tindakan yang agresif melalui operasi menembak telah diambil untuk membanteras spesies perosak itu. Orang ramai turut disarankan agar sentiasa memberikan kerjasama untuk menjaga kebersihan dalam mengelakkan populasi burung gagak kembali bertambah. Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibupejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

KUNJUNGAN HORMAT MPKS KE IBUPEJABAT SPRM SELANGOR

22 Disember 2022

Majlis Perbandaran Kuala Selangor telah melakukan lawatan ke Ibupejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor. Delegasi MPKS telah diketuai oleh TPr. Tuan Haji Mohamad Yusli bin Askandar, Setiausaha MPKS dan telah disambut oleh TPj. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor.

Kunjungan hormat ini sebagai satu koordinasi antara dua jabatan dalam membanteras rasuah dan salah guna kuasa di dalam organisasi serta penerapan integriti dalam tadbir urus dan pengurusan perolehan. Turut hadir dalam lawatan ini adalah Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan serta Unit MPKS.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan